

**NO. SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah aduan terkini yang telah diterima oleh Kementerian serta berapakah jumlah tindakan yang telah dikenakan ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab dalam menaikkan harga barang sewenang-wenangnya dengan memberikan alasan cukai GST.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi memudahkan penyaluran maklumat daripada orang awam kepada Kementerian khususnya bagi isu-isu berkaitan GST, Kementerian telah menubuhkan Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP) serta mewujudkan aplikasi MyKIRA GST dan Ez-Adu bagi menambahbaik sistem pengurusan aduan dalam pelaksanaan GST.

Bermula daripada **1 April** sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **21,591 aduan/pertanyaan** telah disalurkan ke PGAP melalui saluran-saluran berikut.

- i) e-Aduan – **6,404**;
- ii) Media sosial – **8,383**; dan
- iii) Jumlah panggilan yang disalurkan ke PGAP - **6,804**.

Selain tindakan susulan di pihak Kementerian, terdapat sebanyak **2,177 aduan** merangkumi **1,421 aduan** mengenai GST kad tambah nilai telefon dan **756 aduan** mengenai ID GST telah disalurkan ke Kementerian Kewangan untuk tindakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan, 2014.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **52 kertas siasatan** telah dihasilkan di bawah AKHAP 2011 iaitu **18 kertas siasatan** di bawah Seksyen 14(1) kerana kesalahan mencatut, **33 kertas siasatan** di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan **1 kertas siasatan** di bawah

Seksyen 53A kerana tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod.

Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti yang berikut:

- i) **5 kes telah selesai** di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii) kes yang **telah dituduh dan masih belum selesai** adalah sebanyak **4 kes** iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
- iii) **3 kes** telah **ditawarkan kompaun.**